

Terpaksa bohong sepanjang masa jika perintah negara PM dedahkan 'sandiwara' Semangat 46, DAP dan Pas

UM 25 JUN 1990

Oleh
Mat Piah Teh Deris

NIBUNG TEBAL 24 Jun — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan pakatan Semangat 46, DAP dan Pas terpaksa berbohong sepanjang masa jika mereka memerintah negara ini dan menggunakan taktik menimbulkan kemarahan rakyat semata-mata untuk memancing undi bii tarikh pilihanraya umum diisytiharkan nanti. (Lagi berita dan gambar di Muka 3).

Perdana Menteri berkata, bagi menjayakan rancangan itu, Pakatan DAP, Pas dan Semangat 46 terpaksa berbohong sepanjang masa semata-mata untuk memancing undi.

Dato' Sri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata 'rakyat akan menyaksikan "sandiwara" perkelahian antara DAP, Pas dan Semangat 46 kalau mereka memerintah negara ini dan terpaksa berbohong sepanjang masa.

Katanya, mereka sanggup buat apa sahaja seperti, berbohong dan membuat bermacam-macam fitnah termasuk membakar hati rakyat semata-mata untuk memancing undi.

Sebagai contoh, Dato' Sri Dr. Mahathir menyebut peristiwa Asri disingkir daripada Pas dulu kerana Haji Hadi Awang berjaya membakar hati pemimpin-pemimpin kecil Pas tetapi pemimpin-pemimpin Pas sekarang sanggup bekerjasama dengan DAP.

Beliau mendakwa Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah telah berbohong dan bercakap dua bahasa yang susah hendak dipercayai dan difahami.

Menurutnya, di Pantai Tiur mereka bercakap pasal Islam manakala di Pantai Barat bila bercakap dengan Lim Kit Siang di Pulau Pinang mereka bercakap untuk mengadakan penyelesaian yang praktikal pada semua masalah.

"Satu orang cakap dua bahasa, susah kita nak percaya, nak fahamkan, ujar Dato' Sri Dr. Mahathir ketika berucap di Perhimpunan Rakyat di Padang Sekolah Kebangsaan Sungai Setar di sini petang ini sebagai kemuncak lawatan sehari ke Seberang Perai dalam rangka lawatannya ke seluruh negara.

Turut berucap ialah Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim yang juga Ketua Perhubungan UMNO Negeri dan Ketua UMNO bahagian Nibung Tebal, Dato' Haji Ahmad Salleh. Hadir sama ialah Naib Presiden UMNO, Dato' Abdullah Haji Ahmad Badawi dan ahli-ahli Exco kerajaan negeri serta wakil-wakil rakyat.

Dato' Sri Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional mendakwa Pakatan Semangat 46, DAP dan Pas semata-mata berusaha untuk memancing undi kononnya DAP boleh tentukan undi Cina diberi pada Semangat 46 dan Pas dan Pas boleh menang.

"Pas pula boleh tentukan atau tipu pengikut-pengikutnya supaya undi DAP dan DAP boleh me-

nang," tambah beliau.

"Sebab itu kita tak boleh biar, orang-orang ini bermaharajalela datang ke kampung menipu orang kampung hingga terkeliru orang kampung, terkeliru pengundi-pengundi," ujar Perdana Menteri.

Beliau sebaliknya berkata bahawa mereka hanya hendak pancing undi, bukan ada niat hendak berkhidmat, bukan ada rancangan untuk membangunkan negara.

Perdana Menteri menegaskan sebaliknya kerajaan Barisan Nasional telah membuktikan selama 33 tahun memerintah daripada zaman Perikatan sehinggalah zaman Barisan Nasional, telah berjaya membangunkan negara dengan begitu pesatnya.

Beliau menambah, sekarang ini dapat dilihat begitu banyak pelaburan masuk ke negara ini dan dapat mewujudkan peluang-peluang kerja dan pelajaran tinggi.

Sebaliknya kalau Semangat 46, DAP dan Pas memerintah mereka bukan peduli perkara seperti itu dan mereka asyik hendak membetulkan sesama mereka sahaja.

Mengenai nama Parti Semangat 46, Presiden UMNO itu mendakwa mereka memberi nama tersebut semata-mata kerana ingin untuk memperdaya dan menipu rakyat kononnya ia adalah UMNO yang asli sedangkan tindakannya menyuruh berpecah-belah, memaki hamun yang bertentangan dengan Semangat 46 iaitu semangat perpaduan yang membawa kejayaan penubuhan UMNO dulu.